

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-8860920/ 019-3371066

Penduduk hadapi banyak risiko

Sudah lima bulan lampu jalan di Sungai Sedu rosak

SUNGAI SEDU - Isu lampu jalan tidak berfungsi di Sungai Sedu sejak lima bulan lalu bakal dipanjangkan kepada Kementerian Kerja Raya selepas lewatnya minggu hadapan.

Masalah yang nampak kecil tetapi memberi impak besar kepada pengguna jalan raya di kawasan itu telah beberapa kali diadakan penduduk namun masih belum mendapat perhatian.

Ketua Puteri Umno Bahagian Kuala Langat, Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, beliau telah menerima aduan daripada penduduk setempat mengenai isu berkenaan sekaligus teranggil untuk membuat tinjauan susulan.

Menurutnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Langat sudah sedia maklum mengenai perkara itu dan berjanji akan turun padang membuat pemantauan.

"Tetapi, sehingga hari ini tiada sebarang tindakan dilakukan walaupun penduduk juga sudah beberapa kali membuat aduan.

"Isu ini memang memberi masalah kepada penduduk sekitar, lebih-lebih lagi laluan itu tumpuan pengguna jalan raya yang nak buat pusingan U," katanya kepada Sinar Harian ketika membuat tinjauan bersama pemimpin MIC di Sungai Sedu, semalam.

Asuma berkata, beliau akan memanjangkan isu ini kepada kementerian terlibat supaya masalah ini tidak terbiar kerana ketiadaan lampu di kawasan itu telah mengundang pelbagai risiko kemalangan.

Katanya, beliau juga hairan bila isu ini tidak dipandang serius sedangkan ianya merupakan laluan utama pengguna jalan raya dari arah Klang ke Banting.

Ada mangsa kemalangan terperosok dalam parit

BAGI suri rumah, M Taslin, 36, berkata, dia bimbang kemalangan sering berlaku di kawasan itu sehingga pernah ada kejadian mangsa terperosok dalam parit.

Menurutnya, dia yang mempunyai empat anak berumur sembilan hingga 16 tahun menunggu anak-anaknya sehingga menaiki bas sekolah pada setiap hari.

"Kalau tak tunggu saya susah hati anak-anak tunggu tepi jalan dalam keadaan gelap.

"Pernah sekali tu, masa anak-anak tunggu bas ada lori nyaris terbabas sebab mengelak sebuah kereta keluar dari kawasan rumah saya. Pemandu lori tak nampak kenderaan yang nak keluar," katanya.

Manakala, SThayalammal, 37, pula berkata, dia terpaksa juga tunggu bas untuk ke klinik kesihatan walaupun dalam gelap sebab bimbang terpaksa menunggu lama untuk



THAYALAMMAL



TASLIN

membuat pemeriksaan bulanan anaknya.

Menurutnya, walaupun antara empat hingga lima lampu yang tidak berfungsi tetapi ia memberi kesan kepada pengguna jalan raya terutama penduduk di sini.

"Saya tak naklah bila dah jadi kemalangan ngeri baru pihak berkenaan nak baiki lampu jalan. Sedangkan, depan rumah kami ni memang teraluan utama pemandu buat

pusingan U untuk ke pasar raya berhampiran.

"Memang inilah lokasi pusingan U utama yang perlu dilalui pemandu dari arah Banting. Jadi kenapa tak nak dibaiki?" katanya.

Sementara itu, Ketua MIC Sungai Sedu, K Rajaseran berkata, beliau dan Ketua Pemuda MIC Kuala Langat, R Sriheran akan memastikan isu ini diselesaikan segera untuk ke-selesaian semua pihak.



Sebahagian penduduk Sungai Sedu meluahkan rasa tidak puas hati berhubung kerosakan lampu jalan yang masih tidak dibaiki pada tinjauan Asuma Beevi di lokasi bersama pemimpin MIC di Sungai Sedu, semalam.

Beri perhatian pembangunan desa

SERI JUGRA - Projek pembangunan di kampung atau desa di setiap daerah harus terus diberi perhatian dalam usaha memberi keyakinan kepada rakyat untuk hidup selesa.

Ketua Kampung Seri Jugra, Rased Kasim berkata, masih terdapat beberapa kawasan yang perlu diberi perhatian dari aspek kemudahan asas dan sebagainya.

Menurutnya, kemudahan awam seperti dewan, padang yang sempurna, kemudahan keselamatan perlu dititikberatkan di setiap kampung bagi mengelakkan masalah tidak diingini berlaku.



RASID

"Bila keperluan yang sepatutnya diwujudkan di kampung tidak ada, ia memberi masalah kepada penduduk untuk aktif.

"Ada juga permintaan seperti bit polis diwujudkan di kampung bagi menjadi pusat

kawalan mengelakkan kes jenayah berlaku tapi masih belum diwujudkan," katanya.

Rased berkata, jika diikutkan pelbagai kemudahan baharu dan lama yang perlu dibaikpulih hendak dipanjangkan namun pihaknya faham ia perlu susulan.

Beliau berkata, keperluan peruntukan juga sebenarnya sering diambil kira namun tidak mendapat maklum balas.

"Sebagai ketua kampung, saya sendiri menerima pelbagai permohonan dan hasrat rakyat yang perlu dipanjangkan," katanya.